

Pindaan secara menyeluruh perlu dibuat

Kuala Lumpur: Undang-undang sedia ada berkaitan perbuatan seks bawah umur, khususnya jenayah rogol wajar dipinda secara menyeluruh merangkumi hukuman, pembuktian kesalahan dan pihak yang sepatutnya dihukum.

Timbalan Mufti Perak, Datuk Zamri Hashim, menegaskan jika pindaan dilaksanakan, ia perlu dibuat selaras dengan undang-undang syariah.

"Memang sepatutnya sudah lama undang-undang sedia ada dipinda supaya selaras undang-undang syariah dari sudut bentuk hukuman, pembuktian kesalahan dan pihak yang sepatutnya dihukum.

"Dalam Islam (perbuatan)

zina salah, berdosa dan boleh dihukum walaupun suka sama suka.

"Dalam al-Quran, penzina perempuan dan lelaki hendaklah dirotan sebagai hukuman, sebagaimana dalam surah An-Nur, ayat dua: *Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, maka rotanlah tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali rotan, dan janganlah belas kasihan kepada keduanya mencegah kamu untuk (menjalankan) agama Allah, jika kamu beriman kepada Allah, dan hari akhirat, dan hendaklah (pelaksanaan) hukuman mereka disaksikan oleh sekumpulan orang-orang yang beriman,*" katanya kepada BH.

Beliau diminta mengulas sa-

ranan Ketua Polis Kelantan, Datuk Mohd Yusoff Mamat supaya tindakan undang-undang turut dikenakan terhadap pengadu atau mangsa, sekiranya terbukti perbuatan seks bawah umur dilakukan secara suka sama suka.

Zamri berkata, dari awal lagi Islam meletakkan hukuman bukan hanya kepada lelaki, tetapi turut membabitkan pelaku wanita.

Katanya, objektif hukuman antaranya bagi memberikan pengajaran kepada masyarakat dan kerana itu hukuman sebat kepada penzina dilakukan di khalayak ramai.

Mufti Kelantan, Datuk Mohammad Shukri Mohamed, berkata walaupun cadangan Polis Kelan-

tan itu pandangan peribadi, namun ia wajar diteliti kerana menyentuh isu keadilan serta penguatkuasaan undang-undang sivil dan Syariah.

"Secara peribadi, saya merasakan undang-undang sedia ada perlu dikaji semula supaya semua pihak yang terlibat menerima pertimbangan yang adil.

"Dalam sebarang tindakan diambil, ibu bapa juga harus dilibatkan, terutamanya apabila membabitkan orang bawah umur, bukannya hanya menyelesaikan perkara itu secara senyap," katanya.

Shukri berkata, isu sosial harus ditangani dari peringkat akar umbi dan bukan hanya selepas kes berlaku.